

17/01/1999

DUN Sabah bubar minggu depan? (HL)

Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU: Parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah sudah mengakhiri pertemuan mereka dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur semalam dan difahamkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah dijangka dibubarkan minggu depan.

Parti komponen BN Sabah diketuai oleh Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok mengakhiri mesyuarat mereka dengan Dr Mahathir dengan menetapkan satu tarikh membubarkan DUN Sabah.

Bagaimanapun, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Osu Sukam enggan memberitahu tarikh berkenaan yang akan membolehkan pilihan raya umum negeri diadakan.

Tempoh penggal Dewan Undangan Negeri sekarang berakhir 18 Mac ini.

"Biarlah Pengerusi BN Negeri, Tan Sri Bernard Dompok mengumumkannya sekembali dari Kuala Lumpur malam ini (tadi)," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu semalam.

Menurutnya, dalam pertemuan itu, perkara berkaitan pembahagian kerusi turut dibincangkan.

"Dalam pertemuan dengan Dr Mahathir, semua pemimpin BN berpuas hati dengan tarikh pembubaran itu termasuk perkara yang membabitkan pembahagian kerusi pilihan raya," katanya.

Mesyuarat yang diadakan di Kuala Lumpur itu adalah bagi menetapkan tarikh pembubaran DUN dan pilihan raya umum negeri yang semakin hangat dibincangkan di ibu negeri sekarang.

Bagaimanapun Dompok yang mengetuai pemimpin BN Sabah dalam pertemuan itu tidak dapat dihubungi untuk mengulas perbincangan berkenaan dan dipercayai masih di Kuala Lumpur.

Osu apabila ditanya kemungkinan tarikh DUN dibubarkan selepas Aidilfitri minggu depan, sambil tersenyum berkata:

"Perkara berkenaan turut dibincangkan. Anda semua boleh tanya Ketua Menteri (Dompok) esok," katanya.

Menurutnya, tarikh pembubaran bukan lagi menjadi isu kepada BN kerana ia boleh dibubarkan pada bila-bila masa sekarang, kerana tempoh tamat kerajaan sekarang pada 18 Mac ini," katanya.

Beliau berkata, BN sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya sejak sekian lama, kita tidak bimbang bila ia diadakan.

"Umno dan parti lain dalam BN sudah membuat persediaan rapi bagi menghadapi pilihan raya, sama ada lambat atau cepat ia tidak memberi kejutan lagi," katanya.

Umno yang menjadi tulang belakang kerajaan BN negeri mempunyai 21 kerusi, Parti Demokratik Sabah (11), Parti Maju Sabah (lima), Akar Bersatu (tiga), Parti Bersatu Rakyat Sabah (dua) dan MCA (satu).

Ketika ini DUN Sabah mempunyai 48 kawasan (yang digabungkan menerusi 20 kawasan Parlimen). Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan pelantikan enam Adun tambahan, menjadikan 54 kerusi semuanya dalam DUN.

Daripada jumlah itu, BN menguasai 46 kerusi manakala PBS mempunyai lapan Adun, termasuk tiga dilantik (pelantikannya dibuat pada 1994).

Selain Dompok dan Osu, turut hadir dalam pertemuan dengan Pengerusi BN Pusat, kelmarin ialah Presiden PBRS, Datuk Joseph Kurup; Presiden Akar Bersatu, Datuk Pandikar Amin Mulia; Presiden Parti Liberal Demokrat, Datuk Chong Kah Kiat dan Pengerusi MCA Sabah, Datuk Chau Tet On.

Sementara itu, kebanyakan pemimpin BN Sabah yang ditemui selepas pertemuan mereka dengan Perdana Menteri di Kuala Lumpur semalam enggan

berkata apa-apa mengenai persoalan pilihan raya negeri.

Perjumpaan di Jabatan Perdana Menteri itu bermula kira-kira jam 9 pagi dan kereta yang membawa Dompok dilihat meninggalkan tempat itu satu jam setengah kemudian diikuti oleh pemimpin lain.

Kebanyakan mereka tidak memberhentikan kereta untuk menjawab soalan pemberita yang menunggu di pintu pagar. Beberapa orang yang berhenti tidak menjawab sepenuhnya.

Presiden Parti Progresif Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee berkata terserah kepada pengerusi BN Sabah untuk memberikan penerangan mengenai hasil pertemuan itu dan semua sembilan pemimpin parti komponen turut hadir.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Datuk Joseph Kurup berkata mereka membincangkan mengenai politik dan pelaksanaan projek di Sabah.

Ketika ditanya mengenai tarikh pilihan raya: "Kamu sepatutnya tanya Ketua Menteri."

Turut hadir pada perjumpaan itu ialah Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat.

(END)